



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 18 MAC 2025





LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	HARI WANITA SEDUNIA : NANCY TEGASKAN WANITA HARUS TAHU HAK 'TIADA SIAPA BERHAK MENZALIMI KITA'		POSITIF
	https://sinarplus.sinarharian.com.my/fyi/hari-wanita-sedunia-nancy-tegaskan-wanita-harus-tahu-hak-tiada-siapa-berhak-menzalimi-kita/news	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PROGRAM CERIA SYAWAL YKN BAWA PERKHIDMATAN DIPERLUKAN MENJELANG AIDILFITRI		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2403221	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2403207	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SELANGOR PERKASA WANITA, DIPACU DASAR MESRA KELUARGA DAN INISIATIF EKONOMI		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/selangor-perkasa-wanita-dipacu-dasar-mesra-keluarga-dan-inisiatif-ekonomi	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	WANITA ATAU PEREMPUAN, KEHEBATAN MEREKA TERSENDIRI		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/wanita-atau-perempuan-kehebatan-mereka-tersendiri	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	MARTABAT WANITA HARUS DIANGKAT		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/rencana/2025/03/martabat-wanita-harus-diangkat/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	IBU TUNGGAL CEKAL BESARKAN ANAK DENGAN JUALAN KUIH		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/718168/berita/semasa/ibu-tunggal-cekal-besarkan-anak-dengan-jualan-kuih#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.melakahariini.my/ziarah-kasih-dun-kesidang-allex-sampaikan-bantuan-aidilfitri/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	PENGORBANAN IBU TUNGGAL JAGA ANAK KOMA DAPAT PERHATIAN		POSITIF
	https://malaysiagazette.com/2025/03/17/pengorbanan-ibu-tunggal-jaga-anak-koma-dapat-perhatian/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	IBU TUNGGAL BUNTU CARI DANA BAIK PULIH RUMAH ROSAK DIBADAI RIBUT		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/718133/edisi/selangor-kl/ibu-tunggal-buntu-cari-dana-baik-pulih-rumah-rosak-dibadai-ribut#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	PENGEMIS ASING: DBKK BERDEPAN DILEMA		POSITIF
	https://www.dailyexpress.com.my/news/254451/pengemis-asing-dbkk-berdepan-dilema/	DAILYEXPRESS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	PEMBANTU PENGURUSAN KASARI KANAK-KANAK AUTISTIK DIAMBIL KETERANGAN		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/03/17/pembantu-pengurusan-kasari-kanak-kanak-autistik-diambil-keterangan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-selesai-rakam-keterangan-pembantu-pengurusan-murid-kasari-kanakkanak-autistik-512811	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	LELAKI DITAHAN MILIKI BAHAN SEKSUAL KANAK-KANAK		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-ditahan-miliki-bahan-seksual-kanak-kanak/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2403341	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/718187/berita/semasa/alasan-suka-suka-simpan-bahan-lucah-kanak-kanak-lelaki-ditahan-polis	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1197827/peniaga-mi-kolok-ditahan-miliki-bahan-seksual-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-peniaga-makanan-disyaki-miliki-bahan-seksual-kanakkanak-dewasa-512812	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2403413	BERNAMA.COM	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/03/1189646/food-vendor-nabbed-possession-sexual-abuse-materials	NST.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/17/police-nab-food-vendor-in-kuching-for-possession-of-child-and-adult-sexual-abuse-materials/169930	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/17/kuching-food-vendor-nabbed-for-possession-of-sexual-abuse-materials	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hari wanita sedunia : Nancy tegaskan wanita harus tahu hak 'tiada siapa berhak menzalimi kita'

Oleh SITI NOOR AZIRA MOHD FAUZI
17 Mar 2025 06:15am



BERSEMPENA Hari Wanita Sedunia yang disambut setiap bulan Mac, Kementerian Pembangunan Wanita bersama SinarPlus berganding bahu mengadakan program Borak Bibir Merah eksklusif untuk hari istimewa tersebut.

Program rakaman yang berlangsung di Chef Kekik Boulangerie, Kuala Lumpur pada 26 Februari lalu itu turut dimeriahkan dengan kehadiran Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri sebagai tetamu jemputan khas.

Bertemakan 'Wanita Beraspirasi Membina Legasi', program yang dihoskan pelakon, pengacara dan penyanyi, Ain Edruce itu menampilkan dua tetamu undangan lain iaitu penyanyi Sissy Inman dan bekas peserta program realiti berunsur Islam, Dai' Izhar Nazri.



KETUA Pegawai Eksekutif Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin menyampaikan cenderahati kepada Datuk Seri Nancy Shukri.

Nancy ketika dalam sesi temu bual telah berkongsi cabaran utama menjadi seorang ahli politik.

Antara lain kata beliau adalah untuk membahagikan masa bersama keluarga, tugas sebagai wakil rakyat dan menteri.

"Sebagai wanita, kita perlu bijak menguruskan masa antara kerjaya dan keluarga. Jangan terlalu tertekan dengan persaingan yang ada.

"Sebaliknya, fokus pada diri sendiri, kekuatan yang ada dan pencapaian yang ingin diraih. Kita tak perlu bersaing dengan orang lain, tetapi bersaing dengan diri sendiri untuk menjadi lebih baik setiap hari," katanya.

Pusat Sokongan Sosial Setempat

Tambah beliau, kerajaan sentiasa berusaha untuk memperkasakan wanita dengan menyediakan pelbagai inisiatif yang membantu mereka mengimbangi kehidupan kerjaya dan keluarga.

Berikutan itu, Nancy memberitahu, kementeriannya memperkenalkan satu kursus khas bagi membantu suri rumah menguruskan rumah tangga mereka dengan lebih baik terutama mereka yang perlu menjaga warga emas dan anak kecil.

"Ramai wanita yang ingin bekerja, tetapi kos untuk mendapatkan penjaga yang berkemahiran tinggi adalah sangat mahal.

"Kerajaan sedang berusaha memberikan kursus kecakapan penjaga untuk membantu wanita ini," tambahnya.

Nancy menambah, penjaga yang berkemahiran tinggi dapat membantu wanita untuk kembali bekerja tanpa kebimbangan tentang kebajikan keluarga mereka.

"Saya juga berterima kasih kepada majikan yang sudi memberi kelonggaran kepada wanita untuk bekerja mengikut jadual fleksibel dan kerja dari rumah bagi membolehkan mereka mengimbangi tugas profesional dan tanggungjawab peribadi.

"Faktor-faktor ini amat penting untuk memastikan wanita dapat kembali ke dunia kerja dan mencapai matlamat negara untuk meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja kepada 60 peratus pada masa depan," jelas beliau.

Berikutan itu, Nancy berkata, kerajaan akan menyediakan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang menawarkan kaunseling profesional kepada individu yang mengalami tekanan mental dan emosi.

"Kita harus memberi perhatian terhadap masalah kesihatan mental yang semakin meningkat, terutamanya di kalangan wanita.

"Oleh itu, PSSS menawarkan talian bantuan dan kaunselor untuk memberikan sokongan kepada mereka yang memerlukan," ujarnya.

Beliau juga mendedahkan bahawa talian bantuan 15999 yang disediakan oleh kerajaan telah memberi sokongan kepada hampir 2,000 kaunselor di seluruh negara.

Katanya, kewujudan perkhidmatan berkenaan membolehkan wanita yang menghadapi tekanan atau kemurungan boleh mendapatkan bantuan dengan lebih mudah dan secara peribadi.



Antara wajah-wajah penonton yang hadir pada program Borak Bibir Merah.



Dai' Izhar Nazri ketika menjawab soalan yang diberikan oleh penonton.

Mangsa keganasan

Dalam pada itu, berikutan kes penderaan mental, fizikal dan keganasan rumah tangga yang berlaku terhadap wanita, beliau juga menggesa supaya tidak teragak-agak untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa.

"Keganasan rumah tangga ini bukan hanya berlaku kepada wanita yang sudah berkahwin, malah wanita yang belum berkahwin juga berisiko. Oleh itu, wanita harus berani untuk membela diri dan mengenali hak mereka.

"Banyak wanita yang mungkin merasa takut untuk melaporkan keganasan atau penderaan yang mereka alami kerana takut dipukul atau dibuli lebih teruk.

"Saya sering bercakap dengan wanita yang belum berkahwin, jika anda belum ada teman lelaki, garang-garang sikit! Walaupun dia handsome, itu tidak bermakna anda harus menerima perlakuan yang tidak baik," ujar beliau.

Justeru, Nancy menegaskan adalah penting bagi wanita sendiri mempunyai kesedaran mengenai hak-hak mereka.

"Wanita tidak sepatutnya membenarkan diri mereka diperlakukan dengan cara yang tidak adil. Kita perlu tahu hak kita sebagai manusia dan wanita. Tiada siapa yang berhak untuk menzalimi kita," jelasnya.

Justeru, beberapa inisiatif dilaksanakan kementerian tersebut bagi bertujuan memberi sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

"Kini, kita mempunyai undang-undang yang lebih tegas, termasuk Tribunal Anti-Gangguan Seksual (TAGS), yang membolehkan kes-kes gangguan seksual dan keganasan rumah tangga diselesaikan dengan cepat.

"Ini memberi ruang bagi wanita untuk mencari perlindungan dan keadilan," katanya.



DATUK Seri Nancy Shukri menegaskan adalah penting bagi wanita sendiri mempunyai kesedaran mengenai hak-hak mereka.

Sikap suka membantu dan sentiasa turun padang menjadi kunci utama beliau mampu kekal sebagai Ahli Parlimen Batang Sadong, Sarawak, untuk tiga penggal berturut-turut sebelum menjadi Ahli Parlimen Santubong.

Menyimpang kembali sejarah pembabitannya dalam dunia politik, Nancy berkata, sebelum menyertai politik, apatah lagi berimpian menjadi menteri kabinet seperti sekarang.

Berkongsi pengalaman peribadinya, Nancy berkata, beliau sebenarnya tidak pernah bermimpi menyertai politik, apatah lagi berimpian menjadi menteri kabinet seperti sekarang.

"Pada awalnya, saya tidak pernah terlintas langsung untuk memasuki dunia politik dan menjadi menteri, malah berpendapat kejayaan berkenaan bukanlah bidang ingin diceburi.

"Namun, perjalanan hidup saya dalam dunia politik bermula selepas dipelawa oleh Premier Sarawak, Allahyarham Tun Abdul Taib Mahmud untuk menyertai Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) dan bertanding di Parlimen Batang Sadong pada Pilihan Raya Umum 2008.

"Biarpun tanpa pengalaman dan bukan berasal dari situ, namun saya tetap bertanding dan selalu turun padang bersama NGO supaya dikenali penduduk setempat sekali gus menang kerusi Parlimen Batang Sadong buat pertama kali pada 2008," jelas beliau lagi.



SESI game time bersama tetamu dan penonton cukup menggalakan suasana.

Program itu turut dimeriahkan dengan segmen permainan bersama selebriti yang hadir dan acara cabutan bertuah.

Sebagai penutup bagi majlis berkenaan, Sissy Inman menghiburkan tetamu menerusi lagu Pesan Ayahanda dengan iringan musik dari kumpulan Monocort.



SISSY Inman menyanyikan lagu Pesan Ayahanda di akhir segmen Borak Bibir Merah.



KUMPULAN Monocort mengiringi lagu sepanjang program Borak Bibir Merah berlangsung.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program Ceria Syawal YKN Bawa Perkhidmatan Diperlukan Menjelang Aidilfitri

🕒 17/03/2025 03:29 PM



Pengarah Kanan Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia Yayasan Kebajikan Negara (YKN) merangkap pengarah projek Program Ceria Syawal@KPWK Mohd Azrazi Mohamad Aspar ketika ditemui Bernama pada Program Ceria Syawal anjuran YKN di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini. --fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELHARA

PUTRAJAYA, 17 Mac (Bernama) -- Program Ceria Syawal Yayasan Kebajikan Negara (YKN) yang memasuki hari ketiga hari ini dianjurkan bagi membawa perkhidmatan yang diperlukan menjelang sambutan Aidilfitri kepada warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPKWM).

Bertempat di pekarangan KPKWM di sini, program berkenaan antara lain menyediakan perkhidmatan ubah suai pakaian, menggunting rambut, infak juadah berbuka, jualan produk dari penjara wanita dan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS).

Pengarah Kanan Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia YKN merangkap pengarah projek Program Ceria Syawal@KPWK Mohd Azrazi Mohamad Aspar berkata program empat hari yang diadakan pada 13,14,17 dan 19 Mac itu bermula 10 pagi hingga 5 petang dan dikendalikan peserta yang pernah mendapat manfaat daripada YKN.

"Kalau makanan dan minuman (infak juadah) itu, kita gunakan khidmat anak-anak daripada Anjung Sinar dan kuih-muih yang dimasak adalah daripada hasil produk Program Wanita Bangkit Bersasar (WBB). Maksudnya, produk peserta WBB, anak-anak Anjung Sinar akan masak dan kemudian kita agihkan sebagai juadah berbuka puasa.

"Untuk ubah suai pakaian, kita gunakan peserta Wanita Bangkit yang sebelum ini di bawah projek MyKasih Kapital," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Anjung Sinar merupakan sebuah pusat transit untuk belia berusia 18 tahun dan ke atas yang dibenarkan keluar daripada institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tetapi tidak mempunyai ahli keluarga atau berasal daripada keluarga berpendapatan rendah.

Sementara itu, program WBB bertujuan membantu bekas banduan wanita menjalani kehidupan lebih baik selepas tamat tempoh hukuman penjara.

Mohd Azrazi berkata Program Ceria Syawal itu memberi manfaat dua hala kepada peserta dari segi pendapatan dan keyakinan untuk menjalankan perniagaan dan kepada warga KPWK khususnya untuk mendapatkan perkhidmatan setempat.

"Contohnya ada peserta untuk servis ubah suai pakaian sebelum ini kerja di kedai jahit dengan gaji RM2,500 (sebulan), tetapi di sini untuk dua hari sahaja beliau dah dapat RM1,000," katanya.

Antara keistimewaan Program Ceria Syawal termasuk servis percuma bagi 10 orang terawal bagi perkhidmatan gunting rambut dan ubah suai pakaian dengan keutamaan diberikan kepada kakitangan kumpulan sokongan sahaja manakala yang lain dikenakan caj minimum.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Selangor perkasa wanita, dipacu dasar mesra keluarga dan inisiatif ekonomi

Nasional - Dicipta: 17 Mac 2025 09:18 AM



Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari

SELAYANG, 17 Mac– Selangor komited dalam memperkasa wanita melalui dasar dan program mesra keluarga serta menyokong pembangunan ekonomi golongan itu.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari berkata, ini bagi memastikan wanita dapat mengejar aspirasi tanpa halangan budaya dan sosial.

Bersesuaian dengan Tema sambutan Hari Wanita tahun ini, "Wanita Beraspirasi Membina Legasi", mengiktiraf peranan wanita dalam pelbagai aspek kehidupan serta menangani cabaran seperti ketidakseimbangan tanggungjawab rumah tangga yang menghalang penyertaan wanita dalam tenaga kerja.

"Atas sebab itu, fokus saya selaku Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat adalah untuk mewujudkan polisi-polisi yang mesra keluarga. Dalam Dasar Wanita Selangor 2024-2026, kita telah menggariskan antaranya untuk menggalakkan aturan pekerjaan anjal dan insentif untuk wanita kembali bekerja.

Ini supaya wanita terlepas daripada "motherhood penalty" dan boleh terus mengejar aspirasi dan membina legasi. Di bawah Wanita Berdaya Selangor juga, kita mewujudkan program-program untuk membina kapasiti wanita untuk membolehkan wanita menjana ekonomi," kata Anfaal ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor, di sini.

Selain itu, Wanita Berdaya Selangor turut memperkenalkan program Pusat Wanita Berdaya bagi membina kapasiti wanita dalam komuniti serta memperkukuh daya tahan ekonomi keluarga.

Program USAHAWANITA yang kini memasuki tahun kedua, turut diperkenal untuk membantu wanita menjana pendapatan melalui keusahawanan digital.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita atau perempuan, kehebatan mereka tersendiri

Kolum - Dicipta: 17 Mac 2025 02:33 PM



Suasana ketika Iftar Perdana Wanita MADANI Parlimen Bandar Tun Razak di Masjid Azzubir Ibnuul Awwam pada 14 Mac 2025/Foto hiasan - Bernama

SAUDARA PENGARANG

Perempuan merupakan makhluk istimewa, diciptakan Allah SWT sebagai pasangan bagi lelaki. Dari segi struktur biologi dan fizikal, penciptaan mereka berbeza dengan lelaki kerana mempunyai organ reproduktif tersendiri dan fungsi khusus. Di samping itu, mereka juga diciptakan dengan kromosom dan hormon berbeza dengan lelaki sesuai dengan fungsinya.

Dalam perbincangan semasa, perempuan Muslim sering digambarkan sebagai tertindas dan berada dalam kelas kedua. Dalam kaca mata pihak lain, perempuan Muslim berada dalam keadaan tertindas kerana dipingit (berkurang dalam rumah) dan dimiskinkan ekonomi, mereka tidak bebas untuk mengekspresikan kecantikan wajah dan keindahan tubuh badan, tidak bebas keluar rumah, tidak boleh menjadi imam kepada orang lelaki dalam solat dan sebagainya. Pendek kata, tiada istimewanya seorang perempuan dalam Islam.

Hakikatnya, kedatangan Islam telah membawa satu arus perubahan terhadap kedudukan perempuan dalam masyarakat. Daripada tiada hak untuk hidup, mereka diberikan hak nyawa untuk hadir bersama anak lelaki dalam keluarga. Ini kerana terdapat segelintir kabilah Arab yang tega membunuh anak perempuan untuk mengelak rasa malu apabila ditawan kelak.

Begitu juga dalam konteks pewarisan, daripada menjadi komoditi yang diwariskan kepada anak-anak tiri, mereka telah memperoleh hak pewarisan. Sangat indah, bagaimana Islam telah mengangkat martabat perempuan dalam sejarah kemanusiaan.

Asasnya, perempuan dalam Islam mempunyai kedudukan setara di sisi Allah SWT. Allah telah tegaskan bahawa sebaik-baik manusia di sisi Allah adalah mereka yang paling tinggi tingkat prestasi taqwanya, tanpa mengkhususkan kepada lelaki semata-mata. Dalam surah al-Hujurat, ayat 13, Allah SWT berfirman, maknanya:

"Wahai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."

Walaupun terdapat kisah-kisah tragis atau pilu dan menyayatkan hati berkaitan perempuan telah berlaku dalam masyarakat Islam, namun ia bukanlah dari ajaran Islam. Umpamanya, kes suami tidak bertanggungjawab, suami yang mengabaikan nafkah, suami kaki pukul dan kaki dera, bunuh isteri dan bunuh kekasih.

Pada dasarnya, Islam memerintahkan suami untuk menafkahi isteri, bapa untuk menafkahi anak, Islam menyuruh pergaulan suami isteri yang baik (*mu'asarah bil makruf*), hatta ketika berlaku penceraian pun, Islam mengarahkan untuk berpisah dengan baik, tiada nas yang menyuruh suami melakukan keganasan dalam rumahtangga.

Perilaku buruk ini bukanlah ajaran agama Islam dan bukan juga nilai tradisi masyarakat Melayu. Islam telah dilabel buruk akibat kelakuan umat Islam yang membelakangkan panduan dan perintah Allah SWT.

Dalam bulan puasa, golongan perempuan khususnya para isteri dan ibu adalah golongan paling beruntung. Mereka antara makhluk paling sibuk, daripada perancangan untuk berbuka puasa sehinggalah menyambut aidilfitri. Bahagia, berseri dan cerianya sebuah rumah yang masih mempunyai seorang perempuan yang bergelar ibu.

Tidak hairanlah, ibu diibaratkan sebagai sebuah sekolah, manakala bapa diibaratkan sebagai seorang pengetua. Baik pengetuanya, maka baiklah sekolahnya. Biasanya dalam masyarakat Melayu, tugas seorang ibu tiada noktahnya. Di awal pagi lagi, mereka telah menyiapkan makanan untuk bersahur dan ketika berbuka puasa, mereka juga bertungkus lumus menyiapkan makanan dan minuman untuk berbuka puasa.

Bagi seorang ibu dan isteri, mereka beroleh pahala berganda. Pertama adalah pahala mengerjakan ibadat puasa, dan kedua pahala mengerjakan amal salih, iaitu menyediakan dan mempersiapkan juadah berbuka puasa. Dalam hal ini, Nabi SAW bersabda, maknanya:

Sesiapa yang memberi makan kepada orang yang berpuasa untuk berbuka puasa, maka dia mendapat pahala seumpamanya tanpa kurang sedikitpun daripada pahala orang yang berpuasa tersebut (HR al-Tirmizi).

Berdasarkan hadis tersebut, jelas bahawa orang yang menjamu atau menyediakan juadah berbuka puasa memperoleh pahala yang besar, tanpa mengurangi pahala orang yang dijamu tersebut.

Walaupun dijanjikan pahala berganda bagi mereka, ia bukanlah alasan bagi seorang suami atau bapa, atau anak-anak untuk lepas tangan dan membiarkan seorang ibu terkontang kanting dalam menyediakan persiapan bersahur dan berbuka puasa.

Ini kerana dalam rumahtangga, asas utama adalah kerjasama atau tolong menolong bagi mengurangkan rasa penat dan lelah seorang ibu. Ini disebabkan mereka turut berpuasa dan bantuan ahli rumah dapat meringankan kerja rumahtangga.

Selain itu, ibu juga mendapat kemuliaan untuk dihormati tiga kali ganda berbanding bapa. Dalam hadis Nabi SAW, maknanya: "Seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah SAW:

Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling berhak untuk aku berbuat baik kepadanya? Maka Rasulullah SAW menjawab: *ibu kamu (adalah manusia yang paling berhak untuk kamu berbuat baik kepadanya), kemudian ibu kamu, kemudian ibu kamu, kemudian bapa kamu, kemudian orang yang hampir denganmu dan seterusnya (HR Muslim).*

Berdasarkan hadis tersebut, seorang ibu mendapat kemuliaan melebihi seorang bapa. Kelebihan ini antara lain disebabkan ibu menanggung kesakitan ketika mengandung selama sembilan bulan, melahirkan anak dan menyusui anak. Malah mereka boleh memilih pintu syurga yang dikehendaki sekiranya mereka melaksanakan kewajipan mereka dengan baik. Ia berdasarkan hadis Nabi SAW, maknanya:

Jika seorang wanita menunaikan solat lima waktu, berpuasa pada bulannya (Ramadhan), mengawal kemaluannya (maruahnya) dan taat kepada suaminya. Masuklah dia ke dalam Syurga dari mana-mana pintu yang dia kehendaki. (HR Ibn Hibban)

Jelaslah, bahawa golongan perempuan mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam. Martabat mereka diangkat dan maruah serta harga diri mereka dijaga dengan baik di samping mereka diberikan hak selayaknya sebagai seorang manusia. Walaupun gambaran yang berlaku dalam masyarakat Islam banyak bersifat negatif, hakikatnya ia bukanlah daripada ajaran Islam. Ini kerana Nabi SAW bersabda, maknanya:

Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku (HR Ibnu Majah).

Berdasarkan hadis tersebut, Nabi SAW telah menunjukkan contoh tauladan yang terbaik buat umat Islam khususnya dalam kehidupan rumahtangga.

Sempena hari wanita sedunia, diharapkan semua orang perempuan atau wanita dapat bersama-sama berprestasi untuk mencapai kedudukan terbaik di sisi Allah, di samping menjadi perempuan bermaruah lagi bertaat dan mulia dalam keluarga dan masyarakat.

Selari dengan itu juga, hentikanlah sebarang bentuk penindasan dan keganasan terhadap perempuan supaya kebahagiaan rumahtangga dapat dicapai, kelestarian masyarakat dapat diperkuatkan di samping legasi dapat dibina.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Profesor Madya Dr Mohd Anuar Ramli
Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
E-mel: mohdanuar@um.edu.my



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Martabat wanita harus diangkat



SEMPATAN KEMENTERIAN PERKAMPUNAN, NEGARA DAN PERKAWANAN 8 Mac, 2020. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Menteri Kanan Wanita, berucap semasa sidang media selepas menghadiri sidang media bertajuk 'Membina Keluarga Bekerja' di Dewan Seri Perdana, Putrajaya.

Dia-JUBIN MOHAMMAD/BERNAMA

MUKADIMAH

PERTEMUAN bersama **DATUK SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL**, walaupun singkat tetapi sangat perkongsian tentang hidup yang memberi inspirasi kepada wanita dalam menghadapi dugaan. Ini kerana wanita perlu sentiasa berkuat dalam kehidupan, kejayaan, status sebagai isteri, ibu mahupun anak.

Kekelantan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak itu menghargai azam garam kehidupan masyarakat kita bahawa mengahai buai jawapan, selalunya peraya setiap yang berkuat kuasa dikehendaki, ia terbukti hari ini.

Dalam temu bual bersama wartawan Utusan Malaysia, **AQILAH MIC KAMARUBAID** dan **ASLINDA NASIR**, beliau yang juga merupakan isteri kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berbanding, pencapaian wanita dalam pelbagai bidang cukup memberangsangkan, malah dengan kemajuan teknologi baharu membolehkan golongan itu terus maju tanpa terikat ke belakang.

Pada pertemuan itu yang turut disertai jurangama, **MUHAMMAD ISKANDAR ISHAK** dan **Juwaidah, ABDUR RAHMAN RAZALI** sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang berlangsung pada 8 Mac lalu, beliau mahu wanita bukan sahaja memainkan peranan sebagai pemimpin malah terlibat secara aktif dalam membuat keputusan, penggabungan dasar dan inisiatif kerajaan.

Pandangan berhubung pembangunan wanita setelah hampir 68 tahun negara merdeka?

Ahmadulillah, Malaysia mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang dan semestinya wanita terlibat dalam membawa negara ke tahap sekarang.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang diadakan beberapa hari merupakan bukti penghargaan dan pengiktirafan sumbangan serta pencapaian wanita, lebih-lebih lagi dengan adanya pelbagai teknologi baharu.

Semasa saya kecil, tidak semua gadis berpeluang untuk berpelajaran tinggi, tidak semua gadis diberi pendidikan atau pendidikan. Tetapi kemudiannya, ia menjadi kebiasaan. Kini, lebih ramai wanita menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (PI).

Mereka juga berada pada kedudukan melampaui 'siling'. Kita mempunyai wanita pertama dalam bidang yang dikenali sebagai isteri seperti ketua Hakim Negara, Menteri Bank Negara, (Ketua MUDA Angkatan Tentera dan sebagainya).

Wanita kini lebih berfikir dan lebih aktif dalam pelbagai aspek pembangunan negara. Tunjukkan, tanggungjawab terhadap keluarga tidak boleh dipinggirkan waktu sibuk mana pun bekerja. Peranan ini juga buat para lelaki atau suami di luar sana. Keluarga adalah tanggungjawab bersama.

Kita perlu saling menyokong, bertolakans dan mempunyai ketahanan tinggi untuk sama-sama bertanggungjawab membentuk keluarga yang utuh. Ini kerana keluarga adalah unit asas pembangunan negara.

Kebahagiaan seorang wanita melibatkan anak adalah satu keajiban. Jika melihat kisah Rasulullah, para syekh atau imam, ibu yang mengasuh, mendidik dan menjadikan mereka sebagai insan yang begitu baik, itulah yang banyak mempengaruhi kehidupan kita hari ini.

Walaupun saya diberi kesempatan menggalas amanah sebagai ketua pembangkang wanita pertama tetapi perlu ingat, peranan dan tanggungjawab membesarkan anak-anak itu lebih utama, itu lebih diutamakan.

Pandangan mengenai Dasar Wanita Negara 2025-2030, bagaimana boleh ditambah baik?
Saya melihat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mempunyai tanggungjawab menjaga kumpulan sasaran yang meliputi seluruh keluarga dan masyarakat yang terdiri daripada wanita, kanak-kanak, ibu (orang tua-tua), warga emas, gelandangan dan sebagainya.

Saya berpeluang berada di KPWKM untuk seketika ini masa tepat untuk Malaysia mempunyai dasar serta pelan tindakan terkini dalam memacu agenda pemerkasaan dan pembangunan wanita.

Kita sedang hadapi banyak perubahan dari sudut kemajuan teknologi, politik, ekonomi, perubahan antarabangsa dan sebagainya terutama selepas pandemik Covid-19.

Negara mempunyai Dasar Wanita pertama pada 1989 dan pada 2025, kita mempunyai dasar baharu yang disarak dan digalakkan semula.

Dengan tema 'Martabat Wanita, Memperkukuk Negara' menjadikan semua kepada pelbagai pihak bahawa melalui pengukuhan kesediaan wanita, bukan sahaja keadilan sosial akan diperkukuk, malah negara berketuhan untuk terus berkembang pesat dan mencapai kesejahteraan lebih menyeluruh.

Jika mengenai wanita, (Demokrasi) kita memperkatakan negara. Itu adalah perkara betul untuk dilakukan kerana golongan ini merupakan negeri negara.

Seperti mana diwujudkan dalam hadith Rasulullah, 'teoriti ibu (wanita) dibenarkan ketahanan tiga kali berbanding seorang ayah'. Kelelahan dan pengiraan ini diberi sebagai cerminan tanggungjawab, sifat sabar, dedikasi, komitmen dan pengabdian seorang wanita sepanjang hidup.

Saya rasa itu antara sebab wanita mempunyai perkembangan negara dalam dunia yang semakin maju. Saya yakin, dasar dan pelan tindakan baharu ini lebih baik, lebih pantas dan mengambil kira pelbagai faktor dan keperluan wanita.

Pandangan tentang pembangunan wanita di era Malaysia Madani?

Seperti mana dinyatakan Perdana Menteri dalam ucapan persembaan sambutan Hari Wanita tempoh hari, Malaysia Madani memertingkatkan nilai-nilai positif, melekatkan asas keyakinan dan meningkatkan kesedaran mengenai nilai kemanusiaan, etika, rahmah dan pertukaran nilai ini banyak dilaksanakan melalui peranan sebagai ibu yang mengasuh dan mendidik anak-anak. Agenda Membina Malaysia Madani sangat berkait dengan contoh dan nilai Rasulullah yang memertingkatkan pemertamaan nilai-nilai positif dan etika tempoh.

Saya yakin Malaysia Madani akan memacu meningkatkan lagi martabat dan memperkatakan peranan wanita dalam setiap bidang. Kita meningkatkan melalui dasar dan pelan tindakan Pembangunan Wanita 2025-2030 lebih ramai wanita akan menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Lebih ramai wanita akan memimpin dan menjadi agen perubahan negara ke arah lebih sejahtera, maju dan bertamadun.

Saya percaya langkah-langkah yang diambil untuk memperkasa dan membangunkan wanita mestilah mengambil kira kepentingan nilai-nilai positif dan etika tempoh ini. Bukan pembangunan fizikal dan ekonomi semata-mata. Anda boleh menjadi orang yang berjaya tetapi akhir dan nilai positif itulah yang membezakan kita.

Persepsi mengenai kekuatan wanita menghargai cabaran khususnya bagi ibu yang bekerja dalam memastikan institusi kekeluargaan kekal bertahan?

Tanggungjawab memastikan keluarga kekal utuh dan bertahan terletak di bahu kedua-dua isteri dan juga suami. Namun, buai yang selalunya memikul peranan lebih besar di rumah untuk mengasuh dan mendidik anak-anak, menguruskan rumah tanggai dan lain-lain. Wanita dan lelaki sememangnya diajakkan berbeza tetapi atakdirkan untuk saling melengkapi dan saling menyanyangi antara satu sama lain.

Dalam keadaan tertentu terdapat keluarga yang perlu menjaga dua generasi dalam masa yang sama (sandwich family). Mengeja ibu bapa dan juga anak yang masih kecil. Sekiranya, adalah situasi ini beban lebih kepada wanita dan ibu.

Saya melihat konsep Admiralty Village di Singapura. Mereka mempunyai sistem sokongan yang boleh mengurangkan beban ini dengan mengaja kebolehan sosial ibu bapa yang berusia.

Wanita apabila menjadi anak, dia mampu berbakti kepada kedua orang tua. Apabila menjadi isteri, mampu membawa kebahagiaan dan sara budi suami dan keluarga. Apabila menjadi ibu, mampu menjadi idola keabadian dan kecermerlangan melalui anak-anak.

Apabila menjadi pemimpin, wanita memainkan peranan utama dalam penggabungan dasar dan pelaksanaan inisiatif kerajaan secara lebih holistik, inklusif dan memberi kesejahteraan kepada wanita lain yang dinikmati inisiatif kekuatan wanita berprestasi yang mempunyai karier dan keluarga yang kukuh serta bahagia.

Saya yakin, sebuah keluarga akan menjadi kuat dan harmoni dengan adanya ibu atau isteri yang memainkan peranan dengan baik, semestinya dengan sokongan dan bantuan dari pasangan masing-masing.

Adakah sasaran mencapai 60 peratus tenaga buruh wanita terleluang?

Sasaran itu adalah realistik dan semestinya mengambil kira semua faktor yang berkaitan perkembangan ekonomi, kesediaan tempok, maklumat, sistem sokongan untuk keluarga dan lain-lain. Saya yakin peningkatan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga buruh akan memberi kesan signifikan yang positif kepada ekonomi negara khususnya melalui peningkatan pendapatan keluarga. Amat penting supaya wanita memiliki sumber ekonomi sendiri demi kesejahteraan mereka dan juga keluarga. Semua orang mahu menyedai kehidupan lebih baik untuk anak-anak dan keluarga.

Berdasarkan data PDRM (Peta Orang Malaysia), jumlah ramai wanita yang tidak berjaya mendapat mangsa keganasan rumah tangga tempoh tinggi. Bukan mahu melekatkan kesetiaan dibawa wanita, mereka adalah mangsa. Saya percaya wanita yang bekerja, mempunyai pendapatan sendiri lebih yakin dan mempunyai sistem sokongan bukan hanya keluarga tetapi juga rakan sekerja untuk mengemukakan daripada menjadi mangsa.

Saya rasa sasaran ini boleh dicapai kerana ketika ini kita berada pada 56.2 peratus.

Kami tertarik dengan Program Perantaraan Kepimpinan Wanita (Perantis). Apakah cabaran untuk memastikan kejayaan inisiatif ini?

Perantis merupakan satu inisiatif yang bagus oleh KPWKM. Program ini selat dengan dasar kerajaan yang mahukan lebih ramai penyertaan wanita dalam membuat keputusan. Ia merupakan langkah penting dalam memperkukuk peranan golongan itu sebagai pemimpin dalam pelbagai bidang, sekali gus membentuk generasi wanita yang lebih berdaya saing, berprestasi dan berkeadilan.

Cabaran utama dalam pelaksanaan inisiatif ini ialah bagaimana untuk memastikan setiap ilmu, pengalaman, maklumat dan tip berguna daripada tokoh wanita yang terpilih dapat diturunkan atau dijej kepada peserta dengan berkesan. Kemudian bagaimana mereka mahu mengaplikasikan ajaran tersebut.

Saya yakin KPWKM melalui JPW (Jabatan Pembangunan Wanita) akan melaksanakan pemertamaan dan membina yang berterusan boleh memastikan objektif utama dapat dicapai dan semestinya dengan dukungan dan sokongan padu daripada seluruh pihak.

Wanita harus boleh membuat keputusan bijak, mempunyai pendirian, memilikikan bagaimana untuk memperbaik keputusan. Kita harus berdaya saing kita sepatutnya boleh bersaing.

Pendapat tentang isu keganasan rumah tangga yang masih berlaku?

Ibu-ibu keluarga untuk membuat aduan supaya tindakan boleh diambil. Namun, usaha berterusan perlu dilakukan. Apa yang penting, dapatkan bantuan atau buai laporan segera, jangan tunggu sehingga keadaan menjadi lebih teruk.

Saya berharap statistik peningkatan kes adalah disebabkan peningkatan kesedaran mangsa atau keluarga untuk membuat aduan supaya tindakan boleh diambil. Namun, usaha berterusan perlu dilakukan. Apa yang penting, dapatkan bantuan atau buai laporan segera, jangan tunggu sehingga keadaan menjadi lebih teruk.

Apabila kita berkhawin, kita harus anggap ia barak kontrak atau perjanjian bersama pasangan. Tetapi jika berlaku keganasan rumah tangga, dapatkan bantuan segera. Kita tidak mahu keadaan menjadi teruk sehingga melibatkan keselamatan fizikal, mental ataupun mengancam nyawa. Salah satunya, hubungi talian bantuan seperti Talian Kaah Istimah yang menyediakan bantuan 24 jam. Kita cuba selesaikan perkara ini termasuk mendapatkan khimam kaunseling.

Bagaimana Datuk Seri mengimbangi masa antara tugas sebagai ahli Parlimen dan isteri mendampingi jodoh yang padat?

Ahmadulillah, saya mendapat bantuan daripada pegawai yang bertugas di Pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak dan juga pegawai yang membantu saya melaksanakan tugas-tugas rasmi di bawah tanggungjawab sebagai isteri kepada Perdana Menteri. Jika saya tidak berada di pejabat kerana menghadiri pertemuan rasmi, pegawai akan pastikan masalah atau aduan daripada penduduk diambil perhatian dan diselesaikan segera. Kita turut mengadakan pelbagai program untuk manfaat penduduk seperti program kesedaran dan saringan kesihatan, program pembangunan dan keusahawanan wanita dan sebagainya.

Saya tidak mencampuri urusan rasmi di Pejabat Perdana Menteri. Kebanyakan masa, saya mengiringi beliau untuk program-program rasmi apabila ada keperluan. Saya turut terlibat dengan beberapa tugas rasmi yang dijalankan di bawah tanggungjawab isteri kepada Perdana Menteri antaranya Perutusan Pantau Puteri Malaysia, Puspanta Kebangsaan, Pergerakan Puteri Islam Malaysia dan Kastil Malaysia. Saya turut pastikan meluangkan masa bersama anak dan cucu. Ini pun sudah cukup buai saya gembira kerana ia adalah masa yang istimewa dan berharga yang penting, mempunyai keluarga yang harmoni.

Siapa idola Datuk Seri yang memberi impak paling besar dalam hidup?

Salah seorangnya adalah ibu saya walaupun dia tidak mempunyai pendidikan yang tinggi. Kedua, ibu saudara yang menjaga saya. Saya membesar bersama ibu saudara. Diarah yang menjaga saya mengaja di-Quran dan solat. Banyak yang saya pelajari daripada mereka berdua.

Saya membesar seperti orang lain, saya lahir daripada keluarga kelas pertengahan. Saya dididik supaya menghormati orang disekiling. Saya juga supaya hormat menghormati, bersopan dan bertutur bahasa. Mungkin ini yang membentuk karakter saya dan anak-anak. Pun begitu, dalam sesetengah perkara, kita perlu tegas dan tetap pendirian terutama membalikkan soal agama.

Kelua untuk terus bertahan, menjadi tulang belakang kepada Anwar terutama ketika beliau ditimpa ujian berat?

Saya tidak mempunyai rasisia. Jika anak berkhawin, itu adalah satu hubungan yang memainkan kita mengaja antara satu sama lain. Kita lebih mengajai suami atau isteri. Anda tahu kekuatan dan kelemahan mereka, begitu juga kekuatan dan kelemahan anda. Kita perlu memberi dan menerima saling bertolakans, sabar dan reda. Kita perlu faham syaitan amat sukan perlistahan. Jadi, beresap apabila tempo masalah, cari jalan penyelesaian, bertolakans berbanding dan tawakal kepada Allah.

Kelua Anwar di penjara, pastinya hilang tempat mengadua, siapa menjadi pengganti kelua itu?

Hanya Allah tempat saya mengadua. Saya mengajai ketika bersama di-Quran. Saya tidak berceca kepada sesetapa kerana takut mereka turut terpalit dan disaal siasat.

Saya tidak tunjuk kepada orang tentang perasaan sebatan. Saya perlu nampak kuat di depan anak-anak, ahli keluarga dan penyokong kuat Anwar.

Apa yang saya lakukan ini juga sebahagian daripada lathan sebagai doktor. Jika seseorang pesakit tebaik, doktor tidak boleh rebah atau mengajai, sebaliknya perlu kuat bagi membantu pesakit itu.

Sudah lakukan yang terbaik

Bagaimana dengan parti? Adakah suara wanita didengari?
Semestinya suara wanita didengari. Kita boleh berdaya dan berketeguhan pendapat. Tetapi pada akhirnya kita semua adalah satu pasukan. Kita perlu hormat dan faham setiap keputusan yang diambil, jangan berpecah atau membalakgi keputusan parti.

Datuk Seri menyebelai terlibat dalam politik secara tidak sengaja, apakah saat paling mencabar dan paling indah yang tidak boleh lupakan?
Saat paling mencabar ialah ketika Anwar masuk penjara selama (2016). Saya masih ingat kami ke Mahkamah untuk perbicaraan. Ia adalah pendengaran selama 30 minit. Setelah selesai, kami diberikan masa selama kira-kira 10 minit untuk ucapkan selamat tinggal sebelum Anwar dibawa ke penjara.

Saya kata, 'Ya Tuhan, saya rasa sukar'.

Ada matanya saya sedih, saya menangis. Tetapi saya faham sepanjang tempoh itu, saya ada Allah. Dia yang lebih berkuasa membei saya tabakat untuk terus kuat, lanjut hidup tanpa Anwar disisi. Dia lah yang membei saya tabakat ini.

Maaf jika bertanya, adakah Datuk Seri mengemang setiap kali mengingati peristiwa itu?
Dahulu, tidak. Ketika itu saya tidak boleh mengemang. Saya tidak boleh 'lepasakari' kerana ia akan mematahkan semangat, kekuatan saya akan pecah. Apabila melihat anak-anak yang masih kecil, saya perlu kuat. Saya tidak boleh tunjukkan kesedihan di depan mereka.

Saya adakalanya mengaja apabila mengemang apa yang telah dilalui. Sekarang, tidak perlu faham mengemang lagi. Allahmulillah saya telah datang sejuhu ini dan melakukan yang terbaik. (UTUSAN)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu tunggal cekal besarkan anak dengan jualan kuih

 NOR FARHANA YAACOB [Follow](#)

17 Mac 2025 02:56pm



Shoo Chin dan Mustapa menyampaikan sumbangan kepada Sarina di rumahnya.

MELAKA - Seorang ibu tunggal dari Balai Panjang di sini, cekal membesarkan dua anaknya dengan mengambil upah membuat kuih-muih selepas pemergian suami sejak dua tahun lalu.

Sarina Yusop, 45, berkata biarpun bukan mudah lebih-lebih lagi dengan kenaikan kos sara diri, namun bersyukur masih diberikan kesihatan baik untuk menambah wang sampingan menerusi jualan kuih-muih dihantar kepada vendor.

Menurutnya, menumpang ihsan keluarga mertua membenarkan mereka tiga beranak tinggal di rumah keluarga arwah suami yang meninggal dunia akibat komplikasi buah pinggang.

Katanya, sebelum ini pernah mendapat bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), namun diberhentikan dan hanya bergantung kepada wang pencen penakat arwah suami kira-kira RM1,200 sebulan.

"Kalau ikutkan memang tak cukup sebab dua anak masih belajar, seorang di tingkatan dua dan seorang berusia 18 tahun belajar di institut kemahiran.

"Ini pun nasib baik ada bermurah hati belikan pakaian raya untuk anak-anak, secara tidak langsung meringankan beban kami sekeluarga," katanya.



Sarina (dua dari kiri) ketika menerima kunjungan Shoo Chin di rumahnya di Lorong Balai Panjang pada Isnin.

Sarina berkata demikian ketika program ziarah kasih diketuai Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna, Alex Seah Shoo Chin di Balai Panjang di sini pada Isnin.

Hadir sama, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Melaka, Mustapa Kamal Mohd Nor.

Tambahnya, setiap kali Ramadan pasti teringat kenangan berbuka puasa bersama arwah suami yang lebih gemar menjamu juadah di rumah bersama anak-anak.

"Arwah pernah bekerja sebagai pengawal keselamatan di sekolah lebih suka makan bersama-sama di rumah berbanding di luar.

"Memang terasa bila arwah tiada, dari empat kini hanya tinggal kami tiga beranak. Apa pun saya perlu kuat demi anak-anak," katanya.

Sementara itu, Shoo Chin berkata, program ini selaras dengan prinsip koperasi yang mengambil berat terhadap masyarakat terutama golongan asnaf dalam suasana menyambut lebaran tidak lama lagi.

Menurutnya, lebih menarik barang asas dan keperluan diberikan kepada setiap penerima merupakan barangan atau produk dikeluarkan koperasi sekitar negeri ini.

"Pada tahun ini, mereka memilih 10 keluarga penerima memabatkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kesidang dan Pantai Kundor dan harap program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengorbanan Ibu tunggal jaga anak koma dapat perhatian

Oleh Zulhisham Isahak - 17 March 2025



Norhalim (kanan) selepas menyampaikan bantuan barang keperluan dapur dan kesihatan kepada Shapidah di kediamannya di Taman Orkid, Kluang, hari ini.

KLUANG – Pengorbanan seorang ibu tunggal menjaga anak lelakinya yang koma selepas kemalangan mendapat perhatian Kelab D’Kluang selepas portal ini menyiarkan kesengsaraan hidup mereka Sabtu lalu.

Shapidah Shahed, 50, memberikan sepenuh perhatian terhadap Mohd Zaki Hanapi, 24, kerana hanya terlantar dan tidak mampu lagi menguruskan diri sendiri.

Mohd Zaki perlu seperti seorang bayi sejak lapan tahun lalu selepas terlibat kemalangan ketika berkonvoi bersama rakan-rakannya ke Gunung Berlumut ketika berusia 16 tahun.

Sejak itu Shapidah terpaksa menggunakan tenaga empat kerat untuk mencari nafkah dengan mengusahakan kuih sejuk beku dan sarapan pagi.

Prihatin dengan nasib mereka, Kelab D’Kluang mengusahakan bantuan dari Pasaraya Econsave Kluang untuk membolehkan mereka mempunyai kelengkapan barang keperluan dapur dan persediaan menyambut Hari Raya Aidil Fitri tidak lama lagi.

Pengerusi Kelab D’Kluang, Md Norhalim Md Amin berkata, pendedahan kehidupan keluarga ini benar-benar menyentuh hati membuatkan pihaknya menggerakkan usaha agar ada pihak yang boleh menghulurkan bantuan.

“Kami amat bersyukur apabila pengurusan Pasaraya Econsave sanggup tampil sebagai penyumbang barang-barang keperluan dapur untuk keluarga ini menyambut kedatangan Syawal tidak lama lagi.

“Selain itu, kami turut menyumbang sedikit wang ringgit bagi menampung kegunaan mereka membeli apa-apa yang difikirkan perlu untuk untuk ibadah puasa,” katanya ketika ditemui di rumah Shapidah di Taman Orkid, di sini, hari ini.

Terdahulu, Ketua Bahagian Barang Segar, Pasaraya Econsave Kluang, Saifulrudin Baharudin menyampaikan barang-barang keperluan dapur kepada Shapidah.

Dalam pada itu, Shapidah melahirkan rasa syukur dengan perhatian dan sumbangan orang ramai kepada keluarganya.

Semua bantuan yang di terima katanya, akan digunakan sebaik-baiknya agar dapat menjimatkan perbelanjaan mereka khususnya untuk menyambut kedatangan Syawal ini nanti. – MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu tunggal buntu cari dana baik pulih rumah rosak dibadai ribut



MOHD IZZATUL IZZUAN TAHIR [Follow](#)

17 Mac 2025 12:43pm



Latifah menunjukkan siling rumahnya yang runtuh akibat dibadai ribut di Taman Ria, Sekinchan.

SABAK BERNAM - Seorang ibu tunggal di Taman Ria Sekinchan di sini, buntu mencari dana bagi membaiki pulih rumahnya yang rosak teruk akibat dibadai ribut pada Selasa lalu.

Latifah Yusof, 60, mengakui pendapatannya sebagai pengasuh dan pembuat kek tidak mencukupi untuk mengumpul wang sebanyak RM21,000 bagi membaiki bumbung rumah yang diterbangkan angin serta dinding dan siling yang retak.

"Saya tinggal bersendirian sejak suami meninggal dunia 15 tahun lalu, manakala tiga anak saya pula semuanya bekerja di luar.

"Saya tak mampu keluarkan duit sebanyak ini, malah buntu untuk membayar kos baik pulih rumah," katanya ketika ditemui Sinar Harian pada Isnin.



Latifah menunjukkan kesan retakan pada dinding rumahnya di Taman Ria, Sekinchan yang rosak akibat dibadai ribut.

Latifah memberitahu, buat masa ini, dia berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Seri Sekinchan.

Katanya, kedatangan Syawal kali ini amat menyedihkan apabila rumahnya tidak dapat diduduki dengan selesa.

"Biasanya anak-anak akan pulang beraya bersama saya, tetapi kali ini rumah pula rosak teruk.

"Saya juga terpaksa berhenti menerima tempahan kek buat sementara waktu, menyebabkan pendapatan saya semakin berkurang," ujarnya.

Menceritakan detik cemas ketika ribut melanda, Latifah memberitahu, semasa kejadian itu, dia dan dua lagi anak asuhan yang masih bayi berada di dalam rumah.

"Saya terkejut melihat siling jatuh di depan mata sendiri, namun tetap syukur sebab tiada sebarang kecederaan membabitkan kami," ujarnya.

Seorang lagi mangsa, Abu Supian Mohammad, 35, turut mengalami nasib sama apabila ribut menyebabkan bumbung rumahnya bocor, sekali gus menjejaskan keselamatan keluarganya.



Abu Supian

"Kos membaiki rumah dianggarkan RM20,000 tidak termasuk kerosakan barangan elektrik dan perabot.

"Kami benar-benar buntu terutama dengan Aidilfitri yang semakin hampir," katanya yang menetap bersama ibu bapanya di taman perumahan berkenaan.

Menurutnya, ketika kejadian, dia sedang menggunakan komputer riba sebelum tiba-tiba angin kencang menerbangkan sebahagian bumbung rumahnya.

"Ruang tamu, dapur dan bilik semuanya rosak. Kami terpaksa melupakan persiapan raya dan fokus untuk membaiki rumah dahulu.

"Seminggu sebelum ribut, memang kami ada rancang untuk beli baju dan kuih raya, tapi dalam keadaan begini, kami terpaksa lupakan dulu kemeriahan Aidilfitri," tambahnya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian dengan menghubungi Latifah di talian 019-6697257 atau Abu Supian (017-3059007).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengemis asing: DBKK berdepan dilema

Published on: Monday, March 17, 2025
By: Jonathan Nicholas



KARIM (Kanan) dan Jais (kiri) pada pelancaran majlis kesedaran mengenai pengemis di Masjid Negeri pada Jumaat.

KOTA KINABALU: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu mengambil pendekatan berhemat dalam menangani isu pengemis bagi memastikan keamanan dan mengekalkan imej Sabah di mata pelancong.

Timbalan Pengarah DBKK (Sektor Pembangunan Luar Bandar), Karim Rahim, berkata isu gipsi laut (palaah) menimbulkan dilema kerana pihaknya tidak mempunyai bidang kuasa ke atas mereka yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri.

"Kami hanya boleh mengalihkan mereka daripada pandangan umum selepas mereka berulang kali ditangkap mengetuk tingkap kenderaan di lampu isyarat.

"DBKK dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah (JKMS) tidak berdiam diri dan sedang bekerjasama rapat dengan pihak polis bagi membendung masalah ini.

"Mereka yang ditahan akan ditempatkan di rumah transit, tetapi perbincangan lanjut masih diperlukan bagi menentukan tindakan seterusnya," katanya.

Karim berkata, pemantauan DBKK mendapati palaah sering muncul dari kawasan Pasar Besar Kota Kinabalu dan mengemis di Masjid Negeri di Sembulan pada Jumaat.

"Mereka yang terlibat termasuk kanak-kanak, wanita, dan warga emas. Mereka sangat lincah kerana pegawai penguatkuasa pernah melihat mereka melompat pagar masjid semasa operasi baru-baru ini.

"Kami percaya mereka mempunyai ejen yang menyediakan tempat tinggal dan perlindungan di sini. Mereka juga seolah-olah memiliki pemberi maklumat kerana akan segera bersurai apabila penguatkuasa menghampiri untuk menahan mereka."

Beliau berkata, siasatan awal mendapati mereka bukan datang dari Pulau Gaya, sebaliknya dari kawasan Likas dan Sepangar.

"Sukar untuk mengenal pasti lokasi sebenar mereka kerana gaya hidup nomad, tetapi individu yang sama terlibat. Agensi sudah menghantar mereka ke Pantai Timur, namun entah bagaimana mereka kembali semula," katanya ketika ditemui pada kempen kesedaran mengenai pengemis yang diadakan dengan kerjasama JKMS dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah (Jheains).

Pengarah JKMS, Jais Asri, menekankan bahawa orang ramai perlu menghindari memberi wang kepada pengemis dan sebaliknya berinteraksi dengan mereka.

"Jangan ubah laluan biasa anda jika tiba-tiba ada pengemis di situ. Sebaliknya, ajukan soalan seperti mengapa mereka perlu mengemis.

"Tindakan ini akan membuat mereka rasa tidak selesa, dan yang paling penting, jangan sesekali memberi mereka wang. Jika mereka melihat anda kali kedua, mereka akan cuba mengelak.

"Menjaga kawasan kita adalah tanggungjawab bersama dan saya tegaskan, jangan sesekali 'kalah' kepada pengemis kerana mereka kini menyasarkan rumah ibadat," katanya.

Jais mengingatkan bahawa terdapat saluran betul jika orang awam ingin memberikan sumbangan kepada golongan memerlukan dan bukan secara langsung ke poket pengemis kerana dikhuatiri digunakan untuk tujuan dadah atau aktiviti jenayah lain.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pembantu pengurusan kasari kanak-kanak autistik diambil keterangan

Oleh HARRITH HISHAM 17 Mac 2025, 3:00 pm



Gambar hiasan

PETALING JAYA – Polis mengambil keterangan seorang pembantu pengurusan murid yang didakwa mengasari seorang kanak-kanak autistik di sebuah sekolah rendah di Kelana Jaya hari ini.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Ja'afar berkata, selain wanita terbabit, pihaknya juga merakam percakapan ibu kanak-kanak berkenaan.

“Wanita itu telah hadir ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya pagi ini dan kita sudah merakam percakapannya.

“Ibu kepada pelajar berkenaan juga telah hadir memberi keterangan berhubung insiden berkenaan,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Terdahulu, polis membuka kertas siasatan terhadap seorang pembantu pengurusan murid yang didakwa mengasari seorang kanak-kanak autistik berusia tujuh tahun.

Komisioner Shahrulnizam Ja'afar berkata, pihaknya telah terkesan satu hantaran yang dimuat naik di TikTok memaparkan kejadian tersebut.

Menurutnya, kes diklasifikasikan di bawah Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001,” katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki ditahan miliki bahan seksual kanak-kanak

🕒 17 Mac 2025, 3:56pm



KUALA LUMPUR: Seorang peniaga mi kolok ditahan di Batu Kawa, Kuching, Sarawak semalam kerana menyimpan bahan penderaan seksual kanak-kanak dan dewasa dalam telefon bimbitnya.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, lelaki berusia 36 tahun itu ditahan hasil maklumat D11 bersama agensi penguatkuasaan undang-undang luar negara.

Menurutnya, hasil pemeriksaan berjaya menemui beberapa bahan penderaan seksual kanak-kanak dan dewasa dalam telefon bimbit suspek.

“Suspek memberi alasan menyimpan bahan bahan lucah kanak-kanak (CSAM) untuk suka-suka atau keseronokan sendiri.

“Setakat ini dikesan tiada mana-mana kanak-kanak menjadi mangsa jenayah seksual fizikal suspek,” katanya ketika dihubungi Harian Metro hari ini.

Beliau berkata, bahan yang ditemui di dalam telefon bimbit suspek tidak menunjukkan kanak-kanak warga tempatan.

“Suspek ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017,” katanya.